


# Pertandingan Boling Piala Naib Canselor



25 Mac 2007

**Pasukan "Canselori Blues"** berjaya merampas gelaran juara yang dipegang Jabatan Pembangunan sejak dua tahun lalu pada Pertandingan Ten Pin Bowling Piala Naib Canselor antara Jabatan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Kedah Bowl, Alor Star, 25 Mac lalu..

Canselori Blues yang diwakili oleh , Y.Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Mustafa Ismail, Zulfatah Dzulkarnain dan Mohd Zul Fauzi Mohamed Sawal menewaskan 43 pasukan lain selepas melakukan 2,966 jatuhuan pin. Johan membawa pulang wang tunai RM200, Piala Pusingan Naib Canselor, Piala Iringan dan hamper.

Tempat kedua dimenangi Pasukan "Bimmer" dari Jabatan Pembangunan yang terdiri daripada Prof. Madya Mazelan Abd Hamid, Ruzy Shah Ghazali, Md Rasid Ismail dan Rosfarizal Abd Manan dengan 2,871 jatuhuan pin. Mereka menerima wang tunai RM150, trofi dan hamper.

Manakala tempat ketiga diraih pasukan "Ostrich Striker" dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diwakili Mustafa Al-Bakri Abdullah, Syearmarsyeta Ahamad, Adi Ashraff Zulkifli dan Yusri Idris, dengan 2,589 jatuhuan pin yang membolehkan mereka membawa pulang wang tunai RM100, trofi dan hamper.

Bagi kategori pemain terbaik kategori lelaki jatuhuan pin tertinggi dimenangi Dato' Dr. Kamarudin Hussin, dengan 231 jatuhuan pin manakala bagi kategori wanita dimenangi Nik Hazura Nik Hamat dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik dengan 208 jatuhuan pin.